

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(I)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

2. Berapakah pampasan/bayaran yang telah dibayar untuk pengambilan tanah bagi membina Plaza Tol dan R&R di atas Lot 4952 di Taman Bagan, yang status guna tanahnya adalah untuk pendidikan?
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri atau PBT telah mengenakan apa-apa bayaran atas percanggahan guna tanah itu?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Jumlah pampasan yang telah dibayar untuk pengambilan tanah Lot 4952, Seksyen 3, Bandar Butterworth adalah berjumlah RM5,104,886.90. Status tanah sebelum pengambilan dilakukan adalah kediaman dan bukanlah pendidikan.
  - (a) Tiada bayaran tambahan dikenakan.